



buletin **KPM**

PELANCARAN
LAPORAN TAHUNAN
PPPM 2013-2025

SAMBUTAN
HARI GURU
KEBANGSAAN
ke-*47*

PENGANJURAN
ASEAN SCHOOL GAMES
ke-*10*

FOKUS
PERKASA
STEM & TVET

Slot Khas:
Santai PRO
Bedah Buku
Karya Kreatif
#kelaskamicantik

IKRAR YB MENTERI PENDIDIKAN
DR. MASZLEE MALIK
NEKAD BAWA PEMBAHARUAN





Sidang pengarang

Assalamualaikum dan Salam sejahtera.

Pertamanya keluarga sidang redaksi Buletin Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) ingin memanjatkan kesyukuran ke hadrat Ilahi dengan lahirnya e-buletin KPM yang berwajah baharu selari dengan semangat Malaysia Baharu yang dijulung warga KPM kini.

Edisi ini merupakan sebuah edisi luar biasa kerana KPM baharu sahaja menerima seorang menteri dan timbalan menteri baharu yang begitu bersemangat untuk meningkatkan mutu pendidikan negara di mata dunia.

Pihak kami memilih Yang berhormat Menteri Pendidikan Malaysia, Dr. Maszlee Malik sebagai penghias muka buletin kerana beliau merupakan pengemudi kementerian yang banyak memikul tanggungjawab terhadap anak bangsa Malaysia.

Meskipun masih terlalu awal untuk menilai, YB Dr. Maszlee Malik membuktikan setiap cabaran yang dihadapi perlu dilalui dengan bijaksana serta tidak lupa untuk menumpukan usaha-usaha memperkasakan sistem pendidikan Malaysia.

Tugas dan tanggungjawab KPM sebagai kementerian terbesar dinegara ini tidak boleh dipandang remeh. Justeru itu, kami telah mengumpulkan segala usaha dan tenaga bagi menyalurkan maklumat terkini mengenai program dan aktiviti yang dijalankan.

Kami mengalu-alukan warga pembaca untuk memuat turun e-buletin KPM pada setiap bulan bermula Ogos 2018 di laman sesawang rasmi KPM, dan laman facebook rasmi KPM.

Semoga sumbangan dan usaha kecil kami ini dapat dimanfaatkan oleh warga pembaca dan sekaligus mencapai matlamat kami untuk menghebahkan maklumat kepada masyarakat.

Penasihat

YBhg. Dato' Dr Mohd Ghazali bin Abas
Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia

Datuk Dr. Amin bin Senin
Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
Kementerian Pendidikan Malaysia

Penasihat Pengarang

Hazran bin Mohamad
Ketua Komunikasi Korporat
Kementerian Pendidikan Malaysia

Ketua Pengarang

Rubaayah Bt Osman
Ketua Seksyen Hal Ehwal Korporat
Unit Komunikasi Korporat

Pengarang

Nuraziazila Binti Latif
Pegawai Perhubungan Awam (Terbitan)
Unit Komunikasi Korporat

Diterbitkan oleh: Unit Komunikasi Korporat

Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 5, Blok E8, Kompleks E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 Putrajaya
Tel : 03-8872 1465
Faks : 03-8884 6411
Emel : info.buletinkpm@gmail.com

DOWNLOAD SECARA *PERCUMA*



www.moe.gov.my

www.facebook.com/kempendidikan
Instagram: [Kempendidikan](#)
www.twitter.com/kempendidikan

www.facebook.com/kpmsptofficial
www.twitter.com/kpmspt
Instagram: [kpm_pendidikantinggi](#)



Yb. Dr. Maszlee Malik **NEKAD BAWA PEMBAHARUAN**

Melangkah masuk dengan penuh semangat awal pagi 22 Mei 2018, Dr Maszlee meluahkan rasa terharu dan bangga diatas perlantikannya sebagai Menteri Pendidikan Malaysia.

Meskipun sedar bakal menggalas tugas yang berat, Dr Maszlee bersedia memikulnya dan yakin mampu memberikan yang terbaik untuk pembangunan bidang pendidikan.

"Kerajaan yang baru pada hari ini memberikan tumpuan utama terhadap bidang pendidikan dan ia dilihat sebagai teras terpenting bagi membina Malaysia yang inklusif, moderat dan gemilang di persada dunia seperti yang dihasratkan dalam Teras 5 Buku Harapan.

"Kerajaan Pakatan Harapan ini komited untuk menjadikan sekolah-sekolah kerajaan sebagai sekolah pilihan terbaik untuk rakyat dan ia akan menjadi fokus utama saya dan pasukan untuk melaksanakan pengukuhan sistem persekolahan ke arah lebih baik disamping memastikan guru-guru mampu menikmati profesion lebih cemerlang. Kerajaan juga berhasrat mahu menilai secara teliti pelbagai isu berkaitan profesion ini termasuk beban tugas guru," ujar Dr Maszlee.

Dr Maszlee mahu tumpuan khusus diberikan kepada tahap awal persekolahan. Peringkat umur ini sangat penting untuk diberikan perhatian kerana ia merupakan peringkat membina sahsiah dan bangsa.

Pendidikan awal di negara ini mesti diisi dengan pengisian manusiawi dalam diri murid dan tidak harus diberatkan dengan elemen peperiksaan seperti mana yang dilalui selama ini.



"Kita akan mengusahakan sebuah budaya pendidikan yang berteraskan kegembiraan, kasih sayang dan saling hormat menghormati," katanya lagi.

Menurut Dr Maszlee, tumpuan penting juga akan terus diberikan kepada pendidikan berpaksikan teknologi terbaru dalam sistem pembelajaran, termasuklah menggunakan sistem teknologi maklumat (IT) untuk membolehkan para pelajar mendapat pendedahan yang lebih meluas.

Golongan kelainan upaya (OKU) dan anak-anak istimewa tidak terlepas dari mendapat pendidikan yang berkualiti melalui suasana persekolahan yang kondusif.

Pelajar OKU turut diberi peluang terbabit dalam bidang STEM dan TVET bagi memastikan mereka mempunyai masa depan yang cerah.

Dari sudut rangka kerja Kementerian Pendidikan Malaysia, Dr Maszlee berkata penggabungan dua kementerian (Kementerian Pendidikan Malaysia dan Kementerian Pengajian Tinggi) dibawah Kerajaan Pakatan Harapan mampu mengukuhkan pembangunan bidang pendidikan di negara ini.

"Saya dan pasukan saya akan membuat yang terbaik untuk menguruskan perubahan ini dan saya percaya pasukan yang ada telah memahami keperluan dan keupayaan masing-masing dalam memahami bidang tugas sendiri.

"Dokumen Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia untuk pendidikan asas dan pendidikan tinggi akan menjadi asas permulaan kita. Kita akan melaksanakan penilaian secara menyeluruh melalui satu *mid-term review* terhadap program dan aktiviti yang telah dilaksanakan melalui pelan ini. Penilaian ini adalah satu usaha kita bersama untuk mengukuhkan pelaksanaan kedua-dua pelan dan memastikan ia difahami oleh pihak-pihak berkepentingan yang terlibat," katanya.

YB. Teo Nie Ching hadir **Program Murid Orang Asli di IPGM**

Seramai 300 orang murid orang asli dari Negeri Pahang, Terengganu dan Kelantan dan 50 orang peserta Program Kelas Dewasa Asli Peribumi (KEDAP) telah menyertai Program Peluasan Kesedaran Kerjaya dan Pendidikan Murid Orang Asli yang diadakan di Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) Kampus Tengku Ampuan Afzan, Kuala Lipis, Pahang.



YB Teo Nie Ching bergambar Bersama kakitangan IPGM Kampus Tengku Ampuan Afzan



YB Teo Nie Ching beramah mesra dengan murid Orang Asli

Majlis perasmian penutup program tersebut telah disempurnakan oleh Timbalan Menteri Pendidikan Malaysia, YB Teo Nie Ching yang menggantikan Menteri Pendidikan Malaysia, YB Dr. Maszlee Malik

Teo ketika berucap berkata, kementerian amat prihatin akan masa depan murid orang asli. Sehubungan itu, Pelan Hala Tuju Pendidikan Murid Orang Asli dan Pribumi 2017-2025 telah diwujudkan untuk meningkatkan keberhasilan pendidikan murid dari golongan itu.



YB Teo Nie Ching melakukan gimik perasmian penutup



YB Teo Nie Ching melihat buku-buku semasa berada di IPGM Kampus Tengku Ampuan Afzan



MALAYSIA UNGGULI TANGGA TERATAS

Raih 37 Pingat Emas

Kontinjen Malaysia berjaya bergelar juara keseluruhan apabila mengungguli 37 pungenan pingat emas menewaskan 9 negara lain yang turut bertanding dalam kejohanan sukan sekolah-sekolah Asean 2018 ke sepuluh (10th Asean Schools Games 2018).

Malaysia turut muncul sebagai peraih pingat terbanyak iaitu 103 pingat termasuk 37 pingat emas, 34 pingat perak dan 32 pingat gangsa jauh meninggalkan pesaing paling rapat, Indonesia. Acara olahraga menjadi lubang emas kontinjen negara selepas meraih pencapaian tertinggi dengan 10 emas.

KEDUDUKAN NEGARA				JUMLAH		
1		MALAYSIA	37	34	32	103
2		INDONESIA	31	36	30	97
3		THAILAND	19	21	31	71
4		SINGAPURA	13	16	22	51
5		VIETNAM	13	8	6	27
6		FILIPINA	9	7	20	36
7		MYANMAR	1	2	2	5
8		LAOS	0	0	3	3
9		KEMBOJA	0	0	0	0
10		BRUNEI	0	0	0	0

JADUAL PUNGETAN PINGAT ASG 2018



Atlet Nani Sahirah Binti Maryata raih pingat emas dalam acara Lontar Peluru Perempuan



Pasukan Gimnastik Artistik Lelaki Malaysia menang pingat emas bagi acara keseluruhan berpasukan

10th Asean Schools Games 2018



MALAYSIA UNGGULI TANGGA TERATAS Raih *37 Pingat Emas*



***Pasukan Gimnastik Berirama Malaysia
raih pingat emas bagi acara
keseluruhan berpasukan***



***Pasukan pelari 4 x 400 meter lelaki
negara berjaya mencipta rekod baru
ASG 2018***

Antara negara yang turut bertanding ialah Indonesia, Thailand, Singapura, Vietnam, Filipina, Myanmar, Laos, Kemboja dan Brunei Darussalam.

Manakala antara acara yang dipertandingkan ialah gymnastik, olahraga, bola keranjang, bola tampar, bola jaring, renang dan badminton.

Indonesia bakal menjadi tuan rumah bagi temasya sama buat kali ke -11 tahun hadapan.




Aksi-aksi Atlet- atlet semasa Asean Schools Games 2018

Dr. Maszlee Lancar Laporan Tahunan 2017 Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025



YB. Dr. Maszlee menyempurnakan Majlis Pelancaran Laporan Tahunan 2017 PPPM 2013-2025



YB. Dr. Maszlee melawat tapak pameran



YB. Dr. Maszlee diberi penerangan semasa melawat tapak pameran

Menteri Pendidikan, YB Dr. Maszlee telah melancarkan Laporan Tahunan 2017 Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025.

Majlis perasmian ini dihadiri oleh 500 orang peserta terdiri daripada pengurusan tertinggi kementerian, ketua-ketua jabatan, pengetua dan guru besar, guru serta para jemputan luar. Laporan ini diterbitkan kementerian sejak pelaksanaan PPPM pada tahun 2013.



YB. Dr. Maszlee berbual dengan seorang pelajar ketika melawat tapak pameran

PPPM dilaksanakan secara tiga fasa atau gelombang. Gelombang 1 adalah pada 2013-2015, gelombang 2 (2016-2020) dan gelombang 3 (2021-2025).

Matlamat utama laporan ini diterbitkan ialah memaklumkan kepada umum mengenai perkembangan pelaksanaan inisiatif pendidikan yang diberikan tumpuan ke arah transformasi sistem pendidikan telah dikelompokkan kepada lima teras utama iaitu meningkatkan Akses, Kualiti, Ekuiti, Perpaduan dan Kecekapan dalam pendidikan

Dinobatkan Tokoh Guru Kebangsaan Hamzah Tidak Kesal Bersara Awal

Keputusan untuk bersara sebagai guru tidak menghalang Hamzah Othman untuk mempamerkan khidmat cemerlang sebagai guru meskipun tidak menjawatnya secara rasmi.

Hamzah, 62 yang merupakan anak kelahiran Kuala Terengganu berkata tindakannya untuk bersara awal didorong oleh keinginannya untuk bergerak bebas membantu murid-murid sekolah.

"Selepas bersara, saya memelopori Program Pecutan Kognitif dan mendapat pengiktirafan daripada Unit Perancang Ekonomi (EPU), Jabatan Perdana Menteri dan EPU telah menyalurkan dana sebanyak RM1.8 juta untuk program tersebut.

"Selain itu, Program Pembelajaran Abad Ke-21 (PAK21), saya hasilkan Modul PAK21 dan ada 100 toolkit dan guru perlu gunakan toolkit dengan kreatif.



Hamzah menerima Anugerah Tokoh Guru Kebangsaan Yang disampaikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan Malaysia (ketika itu), Datuk Seri Alias Ahmad.

"Ini untuk mengelakkan murid bosan dan jika itu berlaku, maka guru gagal menarik perhatian murid untuk belajar," katanya.

Hamzah menasihati para guru supaya bekerja dengan serius, jujur serta tidak mengharapkan ganjaran.

Meskipun telah 8 tahun bersara, Hamzah tetap cemerlang sehingga di nobatkan sebagai Tokoh Guru Kebangsaan 2018 semasa Majlis Pelancaran Hari Guru Peringkat Kebangsaan Ke-47 di Pusat Dagangan Antarabangsa Putrajaya (PICC), Putrajaya.

Anugerah tersebut disampaikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan Malaysia, Datuk Seri Alias Ahmad.



Sajak : Cikgu

Cikgu,
Dari sudut pandangan aku berdiri,
Kulihat senyumanmu mekar bak bunga kasturi,
Melambai diriku, mengaut rindu.

Matamu bagai mutiara suci,
Katamu bak mainan magis seketika.
Namun dadamu penuh dipenuhi ilmu,
Kekal menjadi magis dalam jiwa.

Sering diriku tidak mendengar kata,
Kau gagahkan jiwa untuk meneruskan.
Sering diriku melontar kata hina,
Tanpa menjaga jiwamu keperitan.

Cikgu,
Kaulah ayah, kaulah ibu,
Kau curahkan bakti dan ilmu,
Memberikan hidup untuk anak bangsa,
untuk melangkah ke alam berjaya.

Cikgu,
Tohmahan kata tiadalah makna,
Kau tetap mulia,
Kau tetap setia,
untuk menabur cinta,
Demi anak bangsa.
Terima kasih cikgu.

Karya:
Debra Emellyn Racha Anak Chiew Kee
Universiti Teknonoli Mara, Puncak Perdana

Sajak: Pesan Ayah

Ayah,
Tidak lekang berpesan,
Bahawa dunia ini adalah khayalan,
Ada tangis ada bahagia,
Dunia ini musuh
Kita hanya pelakon
Berlakon di dalam kanvas sang pencipta
Kita sering tewas
Kecundang menangkis halangan

Ayah,
Tidak jemu berpesan
Jaga dirimu Kerana sinar cahayamu
Boleh menjadi kalam
Hingga tunduk layu terkulai lesu

Ayah,
Wajahnya tenang seperti tiada sengketa
Menanti bibir meluncur bicara
Bait kata elok tersusun
Wahai anak perempuanku
Lakonan dunia
Mampu menyinar matamu
Dan dunia
Sedang bermain menanti duka
Darah pelakon kekal menghilang
Tiada daya
Tiada ingatan
Menunggu saat berakhirnya hayat

Karya:
Nurin Nadirah Roslan
Sekolah Menengah Kebangsaan Alang
Iskandar, Perak

Tajuk: A Succession of Destiny - A Memoir of A Former Regent oleh YAM Tunku Naqiyuddin Ibni Almarhum Tuanku Ja'far.

Buku ini ditulis oleh anakanda kepada Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan kesepuluh, Almarhum Tuanku Ja'far Ibni Almarhum Tuanku Abdul Rahman.

Buku ini diilhamkan daripada pengalaman Tunku Naqiyuddin sepanjang hidupnya. Antara yang di sentuh ialah pengalamannya selepas perang di Tanah Melayu, semasa melanjutkan pelajaran di Britain dan lain-lain. Turut dimuatkan ialah kisah kaum kerabatnya, sahabat-sahabat serta tugas dan tanggungjawabnya kepada Negeri Sembilan dan kerjayanya.

Info buku:

Produk ID : 9789671569306
Format : Paperback
Tarikh Terbitan : 1 April 2018
Harga : RM99.00
Sumber : MPH Online



Yang Amat Mulia Tunku Naqiyuddin Ibni Almarhum Tuanku Ja'far semasa sesi pelancaran buku tulisannya

Tajuk : The ASEAN Miracle: A Catalyst for Peace (Edisi Bahasa Melayu) oleh Kishore Mahbunani & Jeffrey Sng.


"The Association of Southeast Asian Nation" atau dikenali sebagai ASEAN dianggap sebagai keajaiban. Kenapa? Dalam era yang mendorong pemikiran pesimis budaya, ramai ahli pemikir percaya tamadun yang berbeza terutamanya Islam dan Barat tidak boleh hidup bersama dalam suasana aman. Sepuluh buah negara yang bernaung di bawah ASEAN ialah contoh kewujudan ketamadunan bersama (civilizational coexistence) yang berkembang maju. Di rantau ini, 625 juta orang penduduk hidup bersama dalam harmoni. Keajaiban ini dibawakan oleh ASEAN.

Dalam era yang mendorong pemikiran pesimis ekonomi, yang mana kebanyakan golongan muda percaya kualiti kehidupan mereka akan merosot dalam dekad akan datang. Asia Tenggara pula penuh dengan semangat optimis. Dalam era yang mana persaingan geopolitik menjadi semakin sengit dan tegang, ASEAN menyatukan kuasa-kuasa besar dunia yang mencetus persaingan tersebut. Kisah tentang keamanan tidak banyak dikongsi berbanding cerita tentang konflik semasa dan peperangan terkini.

Kelemahan ASEAN banyak menghiasi dada akhbar berbanding pencapaiannya yang membanggakan. Tetapi, pena tulisan Kishore Mahbunani dan Jeffrey Sng menyajikan berita baik tentang ASEAN untuk dijadikan provokasi dan cabaran bagi seluruh dunia.

Info buku

:
ID produk : 9789834430085
Format : Kulit Nipis
Penerbit : Media Masters Publishing
Tarikh terbitan : 10 November 2017
Harga : RM50.00
Sumber : MPH Online



Kisah *Malala Yousafzai* Jadi Inspirasi

"Mereka tahu bahawa pendidikan akan membuatkan kami menentang mereka dan mereka menghalang kami dari mendapatkannya," Malala Yousafzai.

Kejadian tembak yang menimpa gadis muda, Malala Yousafzai, 21 pada 9 Oktober 2012 berjaya membuka mata dunia bukan sahaja mengenai kekejaman rejim Taliban tetapi juga perjuangan mendapatkan pendidikan.

Kisah Malala menjadi inspirasi kepada masyarakat dunia bahawa sedang kita bersenang lenang bersekolah dengan aman, terdapat golongan yang terpaksa mempertaruhkan nyawa hanya untuk bersekolah.

Betapa beruntungnya kita di sini. Tiada sesiapa menghalang kita daripada menuntut ilmu bahkan kita juga dibantu dari segenap aspek supaya kita dapat pendidikan yang berkualiti.

Bukan itu sahaja, kerajaan menerusi Kementerian Pendidikan Malaysia turut menyalurkan pelbagai bantuan termasuklah, Rancangan Makanan Tambahan, Program Susu Sekolah, Bantuan Awal Persekolahan, Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin (KWAPM) dan lain-lain lagi.

Sedangkan gadis muda seperti Malala hanya memerlukan sebatang pen, sebuah buku dan seorang guru untuk belajar namun tetap dihalang rejim.


Memetik kata-kata bekas Presiden Afrika Selatan, Nelson Mandela, "Pendidikan adalah senjata paling berkuasa yang mampu merubah dunia," membuktikan pendidikan bukan sahaja mampu merubah masa depan seseorang tetapi dunia secara keseluruhannya.

PENDIDIKAN SENJATA MERUBAH DUNIA

Di Malaysia, kerajaan sentiasa memantau perkembangan murid termasuk isu keciciran dan kemiskinan yang menyebabkan murid tidak hadir ke sekolah.

Ini kerana masa depan lebih mencabar. Pembelajaran disekolah juga bukanlah semata-mata untuk lulus peperiksaan tetapi juga untuk mengasah bakat dan kemahiran tertentu yang ada pada murid.

Semakin mencabar dunia, semakin kita perlu mempersiapkan diri. Janganlah kita berharap dunia akan berundur kebelakang semata-mata mahu sesuaikan dengan keadaan kita yang tidak mahu memajukan diri.



**"One child, one teacher, one book and one pen can change the world,"
MALALA YOUSAFZAI**


Masyarakat perlu mengubah persepsi kebergantungan kepada kerajaan semata tetapi juga mempersiapkan diri untuk menjadi warga yang lebih cemerlang, tidak takut bersaing, kreatif dan inovatif.

Segalanya sudah disediakan, terpulang kepada kita sama ada mahu menggunakan peluang ini dengan baik atau sebaliknya.

"Adalah lebih mudah untuk mendidikan seorang kanak-kanak berbanding orang dewasa," Frederick Douglass.

Salam Mesra,

NURAZIAZILA LATIF
PRO KPM
FB: Nuraziazila Latif



KPM Fokus Perkasa *STEM & TVET*



Malaysia memerlukan lebih ramai tenaga mahir yang mampu mencipta teknologi terkini dan bukan menjadi pengguna teknologi semata-mata.

Langkah progresif perlu diambil Malaysia supaya lebih ramai tenaga muda yang mempunyai kemahiran menguasai bidang sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik (STEM).

STEM adalah platform yang dapat menyediakan modal insan yang berkualiti, berkemahiran dan berdaya saing di peringkat global.

Kerajaan memberikan perhatian serius terhadap STEM kerana kita menyedari hakikat perkaitan antara pendidikan STEM dengan kemampuan negara membekalkan tenaga kerja yang mencukupi dalam bidang tersebut bagi memacu ekonomi negara.

Dalam dunia yang semakin mencabar, generasi muda perlu berfikir logik, kritis, mampu merekacipta, menggunakan teknologi dengan bijak, menyelesaikan masalah serta menyumbang idea untuk menghasilkan sesuatu yang kompetitif.

Malaysia akan mencapai status negara maju menjelang tahun 2020. Dalam Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK-11) 2016-2020, kerajaan akan meneruskan agenda menghasilkan modal insan berkemahiran dalam bidang teknikal dan vokasional bagi menampung keperluan tenaga mahir negara.

Pelan Transformasi Pendidikan Vokasional (TPV) telah dirangka untuk memperkukuh Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) untuk memacu Malaysia menjadi negara maju bagi bersaing dengan negara maju lain yang sentiasa berusaha menarik minat tenaga mahir dari Malaysia.

Agenda ekonomi yang digariskan dalam Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK-11) dijangka mewujudkan 1.5 juta pekerjaan menjelang tahun 2020 dengan 60 peratis daripadanya memerlukan kemahiran TVET.

Bagi memenuhi keperluan ini, Malaysia perlu meningkatkan pengambilan murid dalam bidang TVET setiap tahun secara berperingkat daripada 164,000 pada tahun 2013 kepada 225,000 pada tahun 2020.

Justeru itu, visi KPM dalam mengarusperdanakan pendidikan vokasional seperti yang terkandung di bawah Rancangan Malaysia Ke-10 (RMK-10) dan RMK-11 adalah bertepatan dengan hasrat negara untuk menyediakan ruang dan peluang kepada modal insan bagi memiliki keupayaan dan tahap kemahiran tinggi dalam bidang teknikal dan vokasional bagi memenuhi permintaan industri.

Bagi memastikan modal insan yang dijana dalam bidang ini mempunyai tahap kemahiran yang tinggi dan memenuhi kehendak industri, maka kualiti pendidikan vokasional mestilah terus dipertingkatkan dan disesuaikan dengan perkembangan serta kehendak semasa.

Kesimpulannya, dalam memeta hala tuju negara ke arah matlamat yang disasarkan, modal insan yang diperlukan bukan sahaja berpengetahuan dan berkemahiran tetapi juga memerlukan daya kreativiti dan inovasi yang tinggi supaya dapat mengekalkan pertumbuhan ekonomi dan memacu daya saing negara ke peringkat global.

Susunan oleh: Nuraziazila Latif, PRO KPM



**YB Menteri Pendidikan, Dr. Maszlee Malik bergambar
Bersama murid dan tenaga pengajar SK Pandan Jaya (Gambar hiasan)**

YB MENTERI LAWAT *SK PANDAN JAYA* RM50,000 Baiki Kerosakan



YB Dr. Maszlee meninjau keadaan bilik darjah di SK Pandan Jaya



YB Dr. Maszlee melihat keadaan Pusat Sumber SK Pandan Jaya



YB Dr. Maszlee melihat keadaan tingkap yang dimakan anai-anai

Yang terhormat Menteri Pendidikan, Dr. Maszlee Malik meluangkan masa kira-kira satu jam untuk melawat Sekolah Kebangsaan (SK) Pandan Jaya.

Dr. Maszlee diiringi Pengarah Bahagian Pendidikan Sekolah Harian, Shaari Osman, Guru Besar SK Pandan Jaya, Karimah Mohd Anuar, pegawai-pegawai kanan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), dan Pejabat Pendidikan Negeri Selangor.

Lawatan singkat itu bertujuan meninjau keadaan sekolah berkenaan yang mengalami kerosakan akibat anai-anai.

Dr. Maszlee turut dibawa melawat ke bilik-bilik darjah, pusat sumber yang rosak akibat dimakan anai-anai.

Dalam lawatan ringkas itu, Dr. Maszlee berkata pihaknya meluluskan peruntukan RM 50,000 untuk tujuan membaiki pulih kerosakan itu.



YB Dr. Maszlee beramah mesra dengan murid-murid SK Pandan Jaya



YB Dr. Maszlee mempengerusikan mesyuarat di SK Pandan Jaya

PERTANDINGAN #kelaskamicantik SK TTDI (1) Jadi Pilihan



Suasana bilik darjah di SK TTDI 1 yang dihias mengikut tema angkasa lepas sekaligus berjaya merangkul saguhati dalam Pertandingan #kelaskamicantik

Sekolah Kebangsaan (SK) Tun Dr Ismail (TTDI) 1 telah berjaya merangkul hadiah saguhati dalam pertandingan #kelaskamicantik anjuran Unit Komunikasi Koporat (UKK), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)

Sekolah berkenaan diwakili oleh Darjah 3 Komet dan 3 Orbit. Menurut Guru Kelas 3 Komet, Mohd Faiiz Mohd Fahrozi, mereka memilih tema angkasa lepas.

Manakala Guru Kelas 3 Orbit, Wan Nur Syafiqah Wan Ibrahim berkata pemilihan tata rias warna amat dititikberatkan supaya tidak mengganggu konsentrasi murid.



Sudut bacaan turut dihias di penjuru bilik darjah



Wan Nur Syafiqah



Mohd Faiiz

Menurut mereka berdua, kerja-kerja menghias turut dibantu oleh ibu bapa murid-murid yang amat menyokong penglibatan dalam pertandingan itu.

Wan Nur Syafiqah berkata, murid-muridnya kini lebih berdisiplin kerana mahu menjaga kebersihan dan kecantikan bilik darjah.

Pertandingan anjuran UKK, KPM itu mendapat sambutan hangat daripada sekolah-sekolah harian diseluruh negara.

— INGIN —

KONGSIKAN KARYA
ANDA BERSAMA PEMBACA

buletin **KPM?**

Kategori Sekolah (Ting 1-5):
Sajak, Syair, & Pantun

Kategori Pra-U/ IPTA/IPTS:
Cerpen & Mini Novel

emelkan kepada kami :

infobuletin.moe@gmail.com